

02 OCT 2001

Mahathir-Bush

DR MAHATHIR DAN BUSH ADAKAN PERBINCANGAN SEMASA APEC

PUTRAJAYA, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Amerika Syarikat, George W.Bush akan membincangkan isu keganasan antarabangsa apabila mereka bertemu semasa Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada 20-21 Okt di Shanghai, China.

Kedua-dua pemimpin telah bersetuju untuk mengadakan bertemuan di Shanghai nanti berikutan percakapan mereka melalui telefon petang semalam yang juga memperkatakan isu keganasan antarabangsa.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini, kedua-dua pemimpin itu telah bersetuju untuk membincangkan isu itu dengan lebih lanjut semasa pertemuan di Shanghai nanti.

Dr Mahathir sukacita mendapati Bush menghargai sokongan Malaysia dan pandangan beliau, kata kenyataan itu.

Semasa percakapan itu Presiden Amerika itu juga memberi jaminan kepada Dr Mahathir bahawa peperangan menentang keganasan bukan peperangan menentang Islam.

Dr Mahathir pula memberitahu Bush bahawa beliau berhasrat untuk menulis surat kepada Presiden Amerika itu kemudian bagi menerangkan tentang pandangannya mengenai langkah menentang keganasan.

Bagaimanapun Bush mencadangkan supaya Dr Mahathir menulis kepadanya lebih awal supaya perkara itu boleh dibincangkan pada pertemuan semasa APEC itu.

Dalam percakapan mereka itu juga, Presiden Amerika itu melahirkan penghargaan kepada Malaysia kerana sokongannya kepada tindakan US terhadap keganasan.

Bush juga telah menyatakan bahawa semenjak serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington itu, beliau telah banyak mempelajari tentang Islam dan perkara-perkara yang baik mengenai agama itu.

Kedua-dua pemimpin itu bersetuju bahawa dunia seharusnya digerakkan untuk menentang keganasan dan setiap negara hendaklah memainkan peranannya dengan caranya sendiri.

Perdana Menteri telah menegaskan bahawa peperangan melawan keganasan berbeza dengan peperangan biasa kerana musuh yang dihadapi tidak dapat dilihat.

Kedua-dua pemimpin juga menyentuh mengenai kesan kejadian itu kepada ekonomi dunia.

Di samping melahirkan kesedihan Malaysia berkaitan serangan 11 Sept itu, Perdana Menteri juga menyatakan harapan agar Amerika akan dapat mengatasi masalah ekonominya dengan segera.

-- BERNAMA

AHH AHH NMO